



DR Wan Azizah menyertai gotong-royong di Pangsapuri 610, Pandan Indah, semalam.

Jaga kebersihan persekitaran cegah denggi

Ampang Jaya: Menyedari kes denggi semakin meningkat, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengajak masyarakat untuk bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran.

Beliau berkata, ahli masyarakat di sesuatu tempat mesti bersama-sama dalam menggerakkan usaha gotong-royong dan memberikan kerjasama menjaga kebersihan tempat berkenaan.

"Kita mesti bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran supaya kita men-

“**Cuba lihat persekitaran di sekeliling kita, berapa ramai antara kita yang prihatin menjaga kebersihan persekitaran**”

Dr Wan Azizah Wan Ismail

jaga kesihatan bersama. Kita mahu sama-sama mendidik, bukan saja diri kita, tetapi anak kita.

"Sejahtera bermula daripada sikap kita sendiri.

Tanggungjawab kita untuk mengekalkan kebersihan bersama. Ahli masyarakat sesuatu tempat beri kerjasama untuk menjaga kebersihan tempat berkenaan.

"Ambil sikap bersama menjaga persekitaran dan jangan tunggu sesuatu musibah menimpa pada ahli keluarga untuk kita mengambil tindakan. Kita ambil satu sikap bertanggungjawab," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Gotong-Royong Cegah Denggi di kawasan

Pangsapuri 610, Pandan Indah di sini, semalam.

Pada program itu, beliau turut bersama-sama penduduk mengutip sampah untuk membersihkan persekitaran di kawasan pangsapuri berkenaan.

Dr Wan Azizah yang juga Ahli Parlimen Pandan berkata, sebanyak 85,270 kes denggi dilaporkan dari Januari hingga 17 Ogos tahun ini.

Menurutnya, angka itu menunjukkan peningkatan 38,726 kes iaitu 83.2 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.